

JANUARY 2025

# e-Lingua 1/2025



Academy of Language Studies  
UiTM Cawangan Pulau Pinang



## Table of contents



<u>From the Editorial Team</u>	3
<u>Department News &amp; Reports</u>	4
<u>Club News &amp; Report</u>	27
<u>Self-Love First</u>	39
<u>Travelling</u>	46
<u>Home Garden</u>	58
<u>Teaching &amp; Learning</u>	64
<u>Lecturer's Contribution</u>	68
<u>Creative Writing</u>	81
<u>The Team</u>	90

# Seminar Antarabangsa Anjuran Universitas Tanjungpura, Indonesia dan Universiti Teknologi MARA, Malaysia (UiTM)

Pada 17 Oktober 2024, Universitas Tanjungpura, Indonesia, telah menganjurkan sebuah seminar antarabangsa berjudul 'Collaborative Research for Sustainable English Language Teaching Innovation in the 21st Century Pedagogical Transformation'. Seminar ini turut menjemput Dekan dan pensyarah dari Akademi Pengajian Bahasa (APB), UiTM Shah Alam, serta beberapa pensyarah dari UiTM Cawangan Pulau Pinang, termasuk penulis, sebagai panel utama untuk berkongsi pandangan dan hasil kajian mereka mengenai inovasi dalam pengajaran Bahasa Inggeris.

Dalam seminar ini, kecerdasan buatan (AI) diketengahkan sebagai alat penting dalam pengajaran bahasa. Dengan bantuan teknologi AI, pendidik dapat mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pelajar, menyediakan latihan yang disesuaikan, dan memantau perkembangan pelajar secara berkala. Ini menjadikan proses pembelajaran lebih responsif dan relevan kepada setiap individu. AI juga mampu mengenal pasti kecenderungan individu terhadap kecerdasan tertentu seperti kecerdasan linguistik, visual, atau kinestetik, membolehkan pengajaran disesuaikan dengan kebolehan para pelajar.

Oleh: Rofiza  
Aboo Bakar



Konsep kecerdasan pelbagai pula diintegrasikan untuk mengiktiraf dan memaksimumkan potensi unik setiap pelajar. Pendekatan ini memastikan bahawa pelajar belajar dengan cara yang paling sesuai bagi mereka. Sebagai contoh pelajar dengan kecerdasan kinestetik mungkin memanfaatkan aktiviti praktikal dalam pembelajaran Bahasa Inggeris, manakala pelajar yang cenderung kepada kecerdasan visual akan lebih memahami konsep melalui imej dan video.

Antara topik menarik dalam seminar ini termasuk Leveraging Autoethnography to Enhance Multiple Intelligences in Research Writing, yang membincangkan tentang penggunaan pengalaman peribadi dalam memperkayakan proses pembelajaran. Topik lain, seperti Sustaining Motivation and Promoting DIY Learning Among ESL Learners with AI Writing Tool, memberi fokus kepada penggunaan alat AI untuk mengekalkan motivasi pelajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (ESL).

Seminar ini mencerminkan komitmen UiTM dan Universitas Tanjungpura dalam meneroka pendekatan pendidikan yang lebih lestari, di mana kecerdasan buatan dan kecerdasan pelbagai digabungkan untuk mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih bermakna. Kerjasama antara dua negara ini adalah bukti bahawa pendidikan boleh berkembang maju dengan memanfaatkan teknologi dan memahami keunikan setiap pelajar.